

SYARAHAN PENDETA ZABA

شرح فتحية زابا

" CABARAN ABAD KE-21 "

Disampaikan oleh

DS595.6
Z2AKho

D' DR. KHOO KAY KIM

arah dan
era & Sains Sosial, Universiti Malaya

er 2000 ● Masa : 10.00 pagi
n Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka

BUKU
ARKIB



SYARAHAN
PENDETA

SYARAHAN PENDETA ZABA

Perpustakaan Universiti Malaya



A514953717

SYARAHAN PENDETA ZA'BA 2000

Majlis Syarahan Pendeta Za'ba adalah majlis ilmu yang bukan sahaja untuk mengingati sumbangan dan jasa besar Pendeta Za'ba terhadap dunia keilmuan di Malaysia, tetapi bertujuan menyemarakkan lagi suasana keilmuan di negara ini dengan syarahan dan perbicaraan yang diinspirasikan oleh Pendeta Za'ba. Za'ba adalah antara tokoh awal putera Melayu yang banyak memberikan sumbangan dalam usaha pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera Melayu moden. Kecemerlangannya sebagai seorang intelegensia dan intelektual Melayu terpancar dalam pembicaraan-pembicaraannya yang mendalam lagi kritis tentang ekonomi bangsa Melayu dan sikap beragama dalam Islam.

LATAR BELAKANG

Sejarah Syarahan Pendeta Za'ba bermula sebagai siri Syarahan Umum yang diadakan dalam Minggu Sastera sejak tahun 1987. Penyampai Syarahan Pendeta Za'ba yang pertama ialah Sasterawan Negara Prof. Dato' Shahnon Ahmad dengan judul syarahannya "Kesusasteraan dan Permasalahan Manusia." Hingga kini sebanyak 12 Syarahan Pendeta Za'ba telah diadakan. Syarahan Pendeta Za'ba juga merupakan salah satu acara utama dalam Bulan Bahasa dan Sastera Negara.

TUJUAN

- i) Untuk menghargai sumbangan jasa Pendeta Za'ba yang amat besar dalam bidang bahasa dan sastera Melayu.
- ii) Syarahan ini akan menjadi inspirasi kepada generasi muda dan masa kini untuk berjuang memajukan bangsa, tanah air dan agamanya.
- iii) Untuk menggerakkan pembicaraan intelektual di bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu.

BIODATA

PROF. DATO' DR. KHOO KAY KIM

Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim dilahirkan di Kampar, Perak, pada tahun 1937. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Anglo-Chinese Teluk Intan Perak sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya pada 1956 dan seterusnya di Universiti Malaya Singapura (1956-1960), selepas itu, beliau mengajar di Sekolah Anglo-Chinese, Teluk Intan selama empat tahun. Mulai tahun 1964 beliau mula bertugas sebagai pengajar di Jabatan Sejarah Universiti Malaya Kuala Lumpur dan kemudian dilantik sebagai pensyarah di jabatan tersebut (1967). Pada tahun 1973, beliau dilantik sebagai Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Setahun kemudian beliau dilantik sebagai Profesor Bersekutu. Pada tahun 1975 beliau dilantik sebagai Profesor Sejarah, dan terus mengetuai Jabatan Sejarah sehingga 1984. Pada tahun 1984-1986, beliau dilantik sebagai Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Beliau bersara pada 1992, tetapi kemudian telah dilantik semula sebagai Profesor Sejarah pada bulan Mac 1992. Khoo Kay Kim juga pernah dilantik sebagai Pengarah Pusat Sukan Universiti Malaya (1994-1996). Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim juga banyak melibatkan diri dengan kegiatan profesional, antaranya beliau merupakan jurulatih sukan yang berkelayakan yang pernah bertugas dengan MAAU (Malaysia Amateur Athlethic Association) dan pernah dilantik sebagai ahli jawatankuasa pusat MAAU dan ahli jawatankuasa kewangan Sukan Komanwel 1998. Dalam bidang kesusasteraan Dr. Khoo Kay Kim merupakan salah seorang panel Anugerah Sastera

Kebangsaan (1972-1976). Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (1975-1976). Khoo Kay Kim pernah dilantik sebagai Editor Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia (1979-1987) dan merupakan Presiden Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (1992-1994) dan dilantik sebagai editor kehormat (1994-1998). Dari tahun 1992 hingga kini, Khoo Kay Kim adalah editor penasihat *American Asian Review*.

Khoo Kay Kim dilahirkan di Kuala Lumpur pada 1940. Ia merupakan anak ketiga daripada lima bersaudara. Ia mendapat pendidikan sekolah dasar di Sekolah Rendah Kebangsaan Tengku Ampuan Jemaah, Kuala Lumpur. Kemudian, dia melanjutkan sekolah menengah di Sekolah Menengah Raja Chulan, Kuala Lumpur. Selain itu, dia juga mengambil pelajaran bahasa Inggeris di Sekolah Tinggi Perempuan Kuala Lumpur. Khoo Kay Kim mendapat gelaran sarjana dalam bidang Sejarah di Universiti Malaya pada tahun 1965. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1968. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Oxford pada tahun 1970. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1972. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1975. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1979. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1987. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1992. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1994. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 1998. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2000. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2002. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2004. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2006. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2008. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2010. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2012. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2014. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2016. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2018. Beliau mendapat gelaran sarjana muda dalam bidang Sejarah di Universiti Cambridge pada tahun 2020.

CABARAN ABAD KE-21

Khoo Kay Kim

ZA'BA melalui tulisan beliau, terutamanya di antara dua perang dunia, telah berusaha menyedarkan orang Melayu tentang pentingnya pendidikan sebagai agen perubahan. Pada dasarnya, gagasan beliau mengenai cara-cara yang mantap untuk orang Melayu mencapai kemajuan tidak berbeza dengan saranan yang pernah dikemukakan oleh Kaum Muda sejak awal abad ke-20 lagi.

Kemajuan sebagaimana dianjurkan oleh Kaum Muda dan Za'ba, memerlukan orang Melayu menuntut ilmu di peringkat global. Tetapi gagasan dan hujah yang dibentangkan sukar diterima oleh orang Melayu kerana paras pendidikan mereka pada ketika itu, agak rendah walaupun pihak British telah mengasaskan pendidikan formal dalam bahasa Melayu sejak lewat 1870-an lagi di beberapa negeri buah Melayu.

Dasar British terhadap orang Melayu banyak dipengaruhi oleh pengalamannya di India. Di sana, pada awal abad ke-19, kerajaan British mengambil keputusan memberi peluang yang luas kepada orang India untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Akibatnya, segolongan orang India, terutamanya bangsa Benggala, mulai mencabar dasar British berasaskan falsafah politik dan undang-undang Barat yang telah mereka kuasai.

Setelah pihak British campurtangan di negeri-negeri Melayu mulai 1874, pengalamannya di India menjadi panduan untuk penggubalan dasarnya terhadap orang Melayu khususnya dalam bidang pendidikan.

Bagi kebanyakan pegawai British di Tanah Melayu, khasnya Frank Swettenham yang memegang jawatan Residen-Jeneral pada tahun 1896 dan pada tahun 1901 pula memegang jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, mengharapkan apa yang berlaku di India tidak seharusnya dibenarkan berulang di Tanah Melayu. *"We do not want the Malays to be like the Bengali Babu,"* kata Swettenham. Sejak lewat abad ke-19 sehingga tahun 1946 apabila beliau meninggal, Swettenham dianggap oleh Pejabat Kolonial di London sebagai pakar rujuk hal-ehwal Melayu.

Justeru itu, pentadbiran British tidak menggalakkan orang Melayu mempelajari Bahasa Inggeris kerana dipercayai, jika mereka menguasai bahasa itu, mereka akan terdedah kepada ide-ide moden dan menjadi masalah politik. Juga, besar kemungkinan mereka akan meninggalkan cara hidup tradisional untuk mengejar jawatan-jawatan di sektor awam dan swasta. Jika mereka berhijrah ke kawasan bandar, tanah pesaka di kampung akan terbiar.

Keputusan untuk mengasuh segolongan kecil orang Melayu untuk membantu pihak British menguruskan pentadbiran dibuat setelah Frank Swettenham menamatkan perkhidmatannya di Tanah Melayu pada tahun 1903.

Kemunculan Maktab Melayu Kuala Kangsar adalah akibat gagasan J.P. Rodger ketika beliau menjadi Residen Perak. Ide itu disokong R.J. Wilkinson sewaktu beliau memegang jawatan Inspektor Sekolah-sekolah Persekutuan. Maktab Melayu Kuala Kangsar telah ditubuhkan tahun 1905.

Penggunaan pegawai-pegawai Melayu juga ada kaitan dengan niat pihak British untuk menjimatkan kos pentadbiran. Di samping itu, mereka juga sedar bahawa di peringkat akar umbi, pegawai Melayu akan lebih berkesan menguruskan komuniti Melayu daripada pegawai British.

Lantaran itu, sekolah-sekolah Inggeris Kerajaan telah diasaskan di beberapa buah bandar di negeri-negeri yang di bawah pentadbiran British untuk memberi peluang kepada murid-murid Melayu belajar Bahasa Inggeris, dengan syarat mereka mesti terlebih dahulu belajar lebih kurang empat tahun di sekolah Melayu. Ini adalah untuk menjamin agar pegawai Melayu mahir dalam dua bahasa -- Inggeris sebagai bahasa pentadbiran dan Melayu untuk berhubungan dengan rakyat.

Sekolah Inggeris telah juga dibuka oleh mubaligh Kristian tetapi, pada umumnya murid-muridnya terdiri daripada orang bukan Melayu. Mulai tahun 1910, pihak British telah menetapkan sistem untuk menyerap orang Melayu yang lulus dari sekolah Inggeris ke dalam pentadbiran kerajaan. Mereka yang akan diberi keutamaan adalah lulusan Maktab Melayu Kuala Kangsar.

Dengan cara demikian, pihak British memberi peluang kepada segolongan kecil orang Melayu mengalami proses pemodenan yang berteraskan budaya Barat tetapi tidak pula mengambil langkah untuk mengikis pengamalan budaya Melayu di kalangan pegawai-pegawai. Walaupun masyarakat umum menganggap mereka itu sebagai "Anglophile" kerana mereka biasa bertutur dalam bahasa Inggeris dan mengikut gaya hidup orang Barat.

Tetapi majoriti orang Melayu dikehendaki mengamalkan cara hidup tradisional. Di sini pihak British telah membuat kesilapan. Mereka berpendapat bahawa pertanian adalah asas ekonomi orang Melayu, pada hal kejayaan kesultanan-kesultanan Melayu lebih bergantung kepada kegiatan perdagangan. Orang Melayu lebih suka bermiaga daripada bercucuk tanam kerana perdagangan mendatangkan pendapatan yang lebih lumayan.

Justeru itu walaupun digalakkan untuk menanam padi, orang Melayu enggan tetapi dengan cepat memberi tumpuan kepada tanaman getah bila getah mulai menjadi eksport penting di Tanah Melayu. Oleh sebab itu skim tanaman padi kerajaan diusahakan oleh orang Banjar.

Dalam keadaan yang diwujudkan pihak British, bukan semua orang Melayu dapat berniaga. Mereka perlu bersaing dengan orang bukan Melayu. Oleh sebab itu ramai juga yang terpaksa mencari penghidupan dengan cara yang sederhana sebagai petani tetapi ramai mempunyai kebun kecil getah. Bagi yang tiada kebun kecil, mereka mengusahakan pertanian sara diri. Mereka yang duduk di tepi laut pula meneruskan kehidupan sebagai nelayan tetapi terpaksa menjual hasil tangkapan kepada pemberong Jepun atau Cina. Ada pula yang memilih untuk berhijrah ke kawasan bandar atau pinggir bandar; mereka ini berniaga secara kecil-kecilan atau berkhidmat dengan kerajaan sebagai guru atau polis atau peon dan sebagainya. Yang lain bekerja sebagai buruh kasar atau pemandu kereta.

Pada dasarnya, pihak British tidak bertujuan melahirkan orang Melayu yang berfikiran bebas. Mereka dikehendaki mematuhi sistem yang telah ditetapkan dan di samping itu memperlihatkan sikap mesra terhadap British.

Sistem pentadbiran British mewujudkan satu golongan baru dalam masyarakat Melayu. Kalau dahulu terdapat lima golongan yang jelas iaitu Kerabat Diraja, Orang Besar Bergelar, ketua-ketua tempatan, rakyat jelata, dan hamba abdi. Namun, pada zaman British struktur itu telah diubahsuai.

Kerabat Diraja masih dikekalkan malah dikukuhkan untuk memberi legitimasi kepada kedudukan British yang berada di Tanah Melayu melalui perjanjian. Jawatan-jawatan Orang Besar Bergelar juga dikekalkan tetapi diberi hanya fungsi adat istiadat. Golongan baru yang dicipta terdiri daripada para birokrat dan kakitangan kerajaan, termasuk para penghulu di peringkat mukim. Diharapkan mereka dapat menyangga sistem pentadbiran baru itu.

Golongan rakyat jelata juga masih ada tetapi diberi sedikit kelonggaran, iaitu mereka yang berjaya dalam pendidikan formal aliran Inggeris dapat menikmati status sosial yang lebih tinggi daripada zaman tradisional. Keadaan rakyat jelata juga lebih selamat kerana diberi perlindungan undang-undang. Golongan hamba abdi pula dihapuskan.

Sehingga Perang Dunia II, pola masyarakat Melayu tidak berubah sama ada di Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu. Hanya di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu, para birokrat Melayu mempunyai peranan yang lebih besar dalam sistem pentadbiran. Tetapi pegawai-pegawai Melayu di

Negeri-negeri Melayu Bersekutu mendapat latihan profesional yang lebih rapi. Mereka lebih awal diserap ke dalam Perkhidmatan Awam (*Malayan Civil Service*) dan mereka juga yang lebih awal dilantik sebagai hakim (bukan hanya majistret).

Tetapi anehnya, Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu lebih awal menghantar pemuda-pemuda Melayu untuk melanjutkan pendidikan di universiti-universiti di United Kingdom. Tunku Abdul Rahman yang lulus dari Cambridge pada tahun 1925 adalah di antara orang yang terawal. Sebenarnya negeri Kedah lebih banyak menghantar penuntut-penuntutnya ke universiti seberang laut daripada negeri-negeri Melayu lain.

Pelajar Melayu juga dihantar ke Singapura untuk menyambung pelajaran sama ada di King Edward VII Medical College atau Raffles College. Kerana maktab perubatan itu diasaskan jauh lebih awal, orang Melayu juga lebih awal lulus dari maktab itu, iaitu menjelang Perang Dunia I. Raffles College hanya ditubuhkan pada tahun 1928.

Walau bagaimanapun bilangan penuntut Melayu sama ada di maktab perubatan atau Raffles College tidak ramai. Ini disebabkan sistem pendidikan yang tidak menggalakkan orang Melayu belajar di sekolah Inggeris. Kerana bilangan yang layak tidak ramai maka bila pihak British mengkaji kemungkinan menuju sebuah universiti di Tanah Melayu pada pertengahan 1930an, orang Melayu tidak memberi sokongan.

Tetapi pihak British sanggup menggalakkan orang Melayu memasuki bidang teknik dan pertanian. Institut untuk menampung mereka dalam kedua-dua bidang itu telah dibuka pada pada 1930an -- sekolah teknik di Kuala Lumpur dan sekolah pertanian di Serdang.

Pentadbiran British juga menggalakkan pendidikan aliran Melayu dan sedikit sebanyak pendidikan profesional atau vokesyen tetapi tidak ada sebarang rancangan untuk pendidikan Islam. Bidang itu terserah kepada orang Melayu asalkan tidak terdapat sebarang percubaan untuk menimbulkan perasaan anti-British.

Hanya sebilangan kecil lulusan sekolah agama, termasuk mereka yang melanjutkan pendidikan ke Timur Tengah, diberi jawatan sebagai kadi atau imam dalam sistem pentadbiran. Pihak British berjaya melahirkan pegawai-pegawai Eropah yang pakar dalam Bahasa dan hal-ehwal Melayu seperti Frank Swettenham, Hugh Clifford, R.J. Wilkinson, A.E.Coope, W. Linehan, O.T. Dussek, R.O. Winstedt dan sebagainya. Tetapi tiada seorang pun yang pakar dalam bidang Islam.

Keadaan tidak berubah dengan serta merta selepas Perang Dunia II kerana buat sementara kemerosotan ekonomi negara perlu dipulihkan. Tetapi pihak British telah mulai menerima hakikat bahawa waktu sudah sampai untuk sebuah universiti ditubuhkan di Tanah Melayu. Pada tahun 1949, Universiti Malaya diasaskan di Singapura dengan mencantunkan King Edward VII Medical College dengan Raffles College. Tetapi kerana sistem pendidikan tidak

banyak berubah, bilangan penuntut Melayu di Universiti Malaya tetap tidak ramai.

Lebih daripada 50 tahun telah berlalu sejak pihak British merancangkan sistem pendidikan untuk Tanah Melayu. Kalau dibandingkan paras pendidikan yang telah dicapai oleh orang Melayu dengan orang bukan Melayu, jurang amat luas.

Perbezaan itu juga bererti orang Melayu pada keseluruhannya kurang terdedah kepada ilmu global walaupun dari segi kesedaran politik orang Melayu tidak tertinggal. Ini disebabkan pengaruh politik Timur Tengah dan Indonesia telah sampai ke Tanah Melayu dan disebar luas di kalangan mereka yang terdidik dalam agama Islam serta mereka yang lulus dari sekolah Melayu.

Tambahan pula, sejak pemberontakan Partai Komunis Indonesia pada 1926, ramai orang Indonesia yang bersikap kiri melarikan diri ke negeri-negeri Melayu dan Singapura di mana pentadbiran British tidak mengawal keadaan dengan begitu ketat berbanding dengan Belanda di Indonesia asalkan para aktivis tidak secara berterus terang menentang British. Mereka semakin aktif dalam politik terutamanya selepas Perang Dunia II. Sebilangan besar ahli-ahli Partai Kebangsaan Melayu Malaya terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungan erat dengan Indonesia.

Pada zaman dekolonisasasi yang bermula selepas tamatnya Perang Dunia II, orang Melayu masih hidup dalam keadaan sengsara. Kerana itu mereka sangat khuatir tentang masa depan politik -- bimbang nanti kalau Tanah Melayu dikuasai orang lain, kedudukan mereka tidak dapat dipulihkan.

Tetapi pada awal 1950an, masyarakat Melayu berpecah tiga, kalau mereka yang setia kepada Dato Onn dan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) diambilkira. Tetapi parti itu tidak lama wujud dan Parti Islam yang mula-mula menyokong Dato Onn kemudian muncul sebagai parti yang tersendiri, anti-UMNO tetapi buat sementara mempunyai hubungan erat dengan Partai Rakyat.

Politik orang Melayu waktu itu sampai sekarang sangat mengelirukan dan banyak tenaga mereka tertumpu kepada politik. Tetapi selepas Perang Dunia II dan sehingga selewat-lewatnya tahun 1960 bila Darurat secara rasmi ditamatkan, orang Melayu sememangnya bimbang tentang masa depan politik kerana hanya kuasa politik dapat menjamin kehidupan sosial dan ekonomi.

Belum sampai sepuluh tahun kemerdekaan dicapai Tanah Melayu telah terbabit dalam pusaran politik domestik dan antarabangsa kerana keputusan diambil untuk menubuhkan Malaysia yang terdiri daripada Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Bukan semua golongan di Sarawak dan Sabah, begitu juga di Tanah Melayu, bersetuju dengan cadangan itu.

Bantahan dari Indonesia dan Filipina mendatangkan krisis untuk Malaysia. Filipina menuntut Sabah dan Indonesia mengisyiharkan Konfrontasi. Pada tahun 1965, akibat perselisihan di antara Semenanjung Malaysia dengan Singapura maka Singapura telah dipecat dari Malaysia. Perselisihan tidak tamat juga dan memberi kesan negatif kepada hubungan antara kaum di Semenanjung sehingga rusuhan kaum berlaku pada tahun 1969.

Ketidakstabilan politik di antara tahun 1961 dengan 1969 bererti masalah sosio-ekonomi orang Melayu tidak dapat dikendalikan oleh Kerajaan. Susulan daripada Peristiwa 1969, Dasar Ekonomi Baru diisyiharkan yang bertujuan memecahkan masalah sosio-ekonomi orang Melayu.

Langkah-langkah berani yang diambil kemudian dapat melahirkan golongan profesional dan usahawan yang lebih ramai di kalangan orang Melayu. Setiap tahun suatu bilangan penuntut yang besar dihantar ke seberang laut untuk belajar di universiti-universiti Barat. Di samping itu penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah dan universiti membolehkan ramai orang Melayu menuntut di universiti-universiti tempatan.

Tetapi pada zaman pasca-1969 tetap menyaksikan perkembangan nasionalisme Melayu. Walaupun ramai dihantar ke universiti Barat, itu sebenarnya hanya merupakan satu bilangan kecil daripada jumlah orang Melayu. Majoriti mahasiswa-mahasiswi Melayu masih belajar di dalam negara di mana sukatan pelajaran

A514953717

dalam bidang kemanusiaan jelas tertumpu kepada negara. Pendedahan kepada perkembangan-perkembangan luar agak terbatas.

Walaupun mereka dikehendaki membaca buku-buku dalam Bahasa Inggeris, kemampuan mereka untuk memahami buku-buku tersebut juga terhad kerana penguasaan bahasa Inggeris agak rendah.

Sementara itu Barat tetap berkembang dengan pesat. Bukan hanya sains dan teknologi yang semakin maju, pemikiran orang Barat juga menjadi semakin kompleks. Mereka menerokai aspek-aspek falsafah dan ideologi yang tidak tradisional kerana sentiasa tidak puas hati dengan apa yang sudah diketahui. Dalam proses itu mereka meninggalkan tradisi dan mencabar konvensi.

Kemajuan walau bagaimanapun tidaklah begitu pesat sebelum tahun 1990an kerana keadaan politik antarabangsa sentiasa membimbangkan terutamanya Perang Dingin yang merupakan konflik di antara dua ideologi yang dominan di dunia -- kapitalisme dengan komunisme.

Tetapi setelah tamatnya Perang Dingin pada tahun 1991, Barat dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada penciptaan-penciptaan yang mendatangkan kesan-kesan yang luas kepada dunia. Yang paling penting daripada itu adalah Teknologi Maklumat (IT).

Tamatnya Perang Dingin juga bererti Barat dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada pertumbuhan ekonomi. Pelbagai strategi diatur untuk mengubah sistem kewangan dunia. Negara-negara yang maju (Barat dan Jepun) bersedia melaburkan modal di merata tempat untuk memajukan perindustriannya.

Malaysia tidak mengasingkan diri daripada perubahan global tetapi telah mengambil kesempatan untuk mengubah corak ekonominya dari pengeksportan bahan-bahan mentah kepada perindustrian. Malaysia juga mengalu-alukan pelaburan dari luar (*foreign direct investment*) di samping menggalakkan usahawan tempatan melabur di negara-negara luar terutamanya negara-negara Selatan yang sedang membangun.

Perubahan-perubahan itu kurang difahami oleh sebilangan besar orang Melayu kerana sistem pendidikan kebangsaan tidak memberi tempat yang sewajarnya kepada fenomena itu. Kerana perubahan-perubahan itu adalah ciptaan Barat, tanpa tumpuan yang sesuai kepada pemikiran dan kaedah-kaedah Barat, apa yang berlaku memang sukar difahami.

Menyedari akan kelebihan yang ada padanya, Barat mula menganjurkan konsep globalisasi yang, pada asalnya, merujuk kepada sistem ekonomi kerana yang dititikberatkan ialah suatu sistem di mana modal dapat mengalir dengan bebas tanpa sekatan sempadan politik. Tetapi kini globalisasi membabitkan juga

penyebaran ideologi Barat ke seluruh dunia. Globalisasi bertentangan dengan nasionalisme yang mengutamakan kedaulatan politik sesebuah negara. Ia boleh mengakibatkan keadaan di mana sesebuah negara tidak dapat mempertahankan kebebasan dengan sepenuhnya.

Tetapi negara yang enggan menerima prinsip globalisasi mungkin akan tertinggal dalam usaha untuk membangun ekonominya. Tanpa pertumbuhan ekonomi, keadaan politik dalam negara mungkin terjejas kerana rakyat yang miskin dan menganggur lambat laun akan menjadi gelisah.

Negara-negara Selatan termasuk Malaysia masih bergelut dengan masalah rumit ini. Di samping itu, penemuan-penemuan di Barat dalam bidang sains dan teknologi telah mara ke hadapan lagi. Bidang yang dijangka akan melanda dunia pada zaman akan datang ialah Bioteknologi.

Potensi Bioteknologi tidak dapat diramalkan. Buat sementara para saintis sudah dapat menubah sifat satu-satu jenis spesis dengan memodifikasi genes. Misalnya, bila genes yang menjadikan kunang-kunang bercahaya dipindah ke tumbuh-tumbuhan tembakau maka tumbuh-tumbuhan itu juga akan bercahaya.

Teknik ini juga telah digunakan untuk mengubah berbagai jenis makanan maka dikenali sebagai *Genetically Modified Foods* (GMO). Ini sangat menakutkan masyarakat Barat sendiri kerana kesan-kesannya pada jangka masa panjang apabila dimakan tidak diketahui. Protes telah pun dilancarkan.

Walau bagaimanapun para saintis Barat tidak akan menamatkan eksperimen mereka kerana ada bantahan. Selain daripada tumbuh-tumbuhan dan binatang, mereka sudah tentu akan menjalankan eksperimen ke atas manusia juga secara sulit.

Di Malaysia, tidak ramai yang sedar tentang perkembangan ini. Tetapi modifikasi genetik sedang dijalankan ke atas kelapa sawit. Ini juga suatu perkara yang kontroversial. Walau bagaimanapun sama ada Malaysia setuju atau tidak dengan modifikasi genetik, orang Malaysia sepatutnya lebih insaf tentang perkara ini. Begitu juga ilmu lain yang sedang berkembang di Barat.

Sistem pendidikan yang tidak memberi peluang kepada generasi muda untuk memahami perubahan-perubahan yang berlaku di seluruh dunia sangat berbahaya kerana kalau Malaysia tertinggal dalam dunia yang sentiasa berubah, negara akan menjadi lemah sehingga ia tidak berupaya menangani ancaman-ancaman yang akan dihadapinya kelak.

Memang sukar untuk membuat ramalan mengenai apa yang akan berlaku dalam jangka masa 100 tahun akan datang. Tetapi menjelang abad ke-21 ini, sudah kelihatan sedikit sebanyak kemungkinan kemajuan sains dan teknologi yang akan mendatangkan kesan luas kepada manusia.

Di samping itu, falsafah Barat juga tidak seharusnya diabaikan. Perkembangan konsep pasca-modenisme adalah suatu aliran pemikiran Barat yang semakin popular. Falsafah ini menafikan konsep realiti dan kebenaran. Kedua-duanya dianggap sebagai persepsi individu sahaja maka yang penting bukan kebenaran atau realiti objektif tetapi apa yang dipersepsikan oleh individu secara subjektif.

Buat sementara negara Barat sukar dicabar. Ia adalah dominan dalam pelbagai bidang -- sains dan teknologi, ketenteraan, dan ekonomi. Negara-negara Afro-Asia, termasuk Jepun, hanya terikuti-ikut. Untuk menjadi lebih celek, negara-negara Selatan seharusnya mengkaji negara Barat dengan rapi. Buat ketika ini, negara Barat banyak mengkaji negara-negara Afro-Asia termasuk tamadun Islam tetapi negara-negara Selatan tidak mengkaji Barat. Sudah tentu kelebihan ada pada negara Barat.

JAWATANKUASA MAJLIS SYARAHAN PENDETA ZA'BA 2000

Penasihat:	Tn. Hj. A. Aziz Deraman
Pengerusi:	Tn. Hj. Hamdan Yahya
Naib Pengerusi:	Hjh. Zainab Kassim
Setiausaha:	A. Wahab Hamzah
Ahli Jawatankuasa:	Noraini Shukor Shahrur Nizam Mohd. Nor Fatimah Zainal Siti Zaleha Hashim Zaiton Hussein Mohd. Haniff Daud Wan Hasnah W. Mahmud

Rakaman Rasa

University of Malaya